



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.ijlgc.com



UNSUR POLITIK DAN PENTADBIRAN DALAM PESTA
'MAGAHAU' ETNIK MOMOGUN RUNGUS DI SABAH,
MALAYSIA

*POLITICAL AND ADMINISTRATION ELEMENTS WITHIN THE 'MAGAHAU' OF
MOMOGUN RUNGUS ETHNIC IN SABAH, MALAYSIA*

Jelani Hamdan¹, Romzi Ationg^{2*}, Mohd Sohaimi Esa^{3*}, Irma Wani Othman⁴, Saifulazry Mokhtar⁵

¹ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: jelanihamdan@gmail.com

² Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: mratiiong@ums.edu.my

³ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: msohaimi@ums.edu.my

⁴ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: irma@ums.edu.my

⁵ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.12.2022

Revised date: 15.01.2023

Accepted date: 20.02.2023

Published date: 01.03.2023

To cite this document:

Hamdan, J., Ationg, R., Esa, M. S., Othman, I. W., & Mokhtar, S. (2023). Unsur Politik Dan Pentadbiran Dalam Pesta 'Magahau' Etnik Momogun Rungus Di Sabah, Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (31), 19-30.

DOI: 10.35631/IJLGC.831002.

Abstrak:

Magahau merupakan perayaan terbesar etnik Momogun Rungus di Sabah dan dirayakan setiap tahun atau selang beberapa tahun. Perayaan ini mula dirayakan secara besar-besaran pada 2009 sebagai lanjutan daripada Konvensyen Undang-undang Adat Matunggong (2009), anjuran Mahkamah Anak Negeri Daerah Kecil Matunggong yang menetapkan supaya perayaan tersebut diadakan setiap tahun atau selang beberapa tahun. Konvensyen yang dihadiri oleh pengamal Undang-undang Adat Rungus dari seluruh Daerah Kudat, Daerah Kecil Matunggong, Daerah Kota Marudu dan Daerah Pitas iaitu daerah-daerah yang mempunyai penduduk Rungus yang ramai menyedari bahawa pada masa dahulu, lazimnya Magahau dirayakan oleh beberapa kampung atau sekurang-kurangnya satu kampung atau beberapa keluarga. Ini menyebabkan perwakilan memutuskan bahawa Magahau adalah perayaan yang dianggap besar oleh etnik Momogun Rungus. Sebagai perayaan besar Magahau turut dianggap sebagai suatu perayaan yang menonjolkan unsur politik dan pentadbiran yang tidak disedari oleh pelbagai pihak. Sehubungan itu, berdasarkan penggunaan kaedah kualitatif bagi pungutan maklumat berkaitan maka kertas kerja ini menengahkan perbincangan

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



tentang unsur politik dan pentadbiran dalam pesta Magahau yang diadakan saban tahun oleh etnik Momogun Rungus di Sabah.

Kata Kunci:

Magahau, Momogun Rungus, Politik, Pentadbiran, Rungus

Abstract:

Magahau is the main festival of the Momogun Rungus ethnic group in Sabah and is celebrated every year or every few years. This festival began to be celebrated on a large scale in 2009 as an extension of the Matunggong Customary Law Convention (2009), organised by the Matunggong Subdistrict Native Court which stipulates that the festival be held every year or every few years. The convention attended by practitioners of Rungus Customary Law from all over Kudat District, Matunggong Sub-District, Kota Marudu District and Pitas District which are districts with large Rungus population who are aware that in the past, Magahau was usually celebrated by several villages or at least one village or several families. This made the delegates to decide that Magahau is a festival that is considered significant by the Momogun Rungus ethnic group. As a main festival, Magahau is also considered as a festival that highlights political and administrative elements that are not appreciated by various parties. Accordingly, based on the use of qualitative methods for the collection of related information, this paper highlights the political and administrative elements in the Magahau festival held annually by the Momogun Rungus ethnic group in Sabah.

Keywords:

Magahau, Momogun Rungus, Politics, Administration, Rungus

Pengenalan

Setiap etnik di negara ini (Malaysia), khususnya di Sabah mempunyai kebudayaan tersendiri. Konsep kebudayaan biasanya ditakrifkan secara ringkas sebagai tatacara hidup dalam sesebuah masyarakat (Esa, 2012). Dalam pada itu, para sarjana seperti Hasnah (2009) mengesahkan bahawa masyarakat dan kebudayaan tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Ini bermakna, tidak akan ada kebudayaan sekiranya tidak wujud sesebuah masyarakat dan dalam masa yang sama tidak akan berfungsi sesuatu masyarakat itu sekiranya tidak ada kebudayaan yang menyusun, mengatur dan mengarah sesebuah masyarakat itu sendiri. Malahan, kebudayaan menjadi pengenalan diri suatu etnik yang mendiami sesebuah negara. Selain ini, biasanya keunikan sesuatu etnik terhasil dari nilai-nilai budaya kerana ia mencerminkan keunggulan dan keistimewaan sesuatu etnik. Ini termasuklah keunikan perayaan Magahau yang memperlihatkan unsur politik dan pentadbiran yang unggul dan istimewa. Rentetan daripada inilah, usaha dilakukan untuk mengetahui apakah sebenarnya unsur politik dan pentadbiran dalam pesta 'Magahau' sebagai salah satu aspek kebudayaan warisan etnik Rungus di Sabah, Malaysia.

Etnik Rungus merupakan salah satu etnik yang biasanya dikelompokkan dalam kelompok etnik besar Kadazandusun bertaraf anak negeri di Sabah secara umumnya dikenali sebagai Momogun. Para sarjana etnik Rungus seperti Raymond Majumah (2015) turut menegaskan bahawa kata 'Rungus' itu sendiri berasal dari perkataan Rungsud iaitu nenek moyang mereka yang berhijrah dari kawasan Nunuk Ragang ke pesisiran pantai di Semenanjung Kudat, Teluk Marudu, Pitas, Beluran dan Telupid. Raymond Majumah (2015) juga berpendapat bahawa aki

Rungsud merupakan seorang tokoh Momogun Laut yang mula meneroka dan seterusnya mendiami kawasan Kudat-Bandau pada zaman dahulu. Ini menyebabkan etnik Rungus lebih berminat dikenali sebagai Momogun atau Momogun Rungus. Beliau menegaskan bahawa konsep Momogun itu sendiri adalah merujuk kepada nama bangsa etnik Rungus itu sendiri. Menurut Raymond Majumah (2015), legenda Momogun Rungus menyebut bahawa Aki Rungsud adalah tokoh yang membuka kawasan Bandau-Kudat sebagai kawasan perdagangan 'barter' yang terbesar di rantau Semenanjung Berungus dan Teluk Bandau Borneo pada zaman dahulu. Teluk Bandau merupakan sebuah pusat perdagangan Momogun Rungus Kuno. Barangan yang didagangkan di teluk Bandau ialah ubi kayu, pisang, jagung, labu, hasil-hasil hutan, kain tenunan Rungus dan sebagainya. Sumber lisan pula menyebutkan bahawa istilah 'Rungus' bagi etnik Rungus di Kudat berasal daripada perkataan bahasa Bajau dan bahasa Suluk iaitu dari kata 'Ungus' yang boleh diertikan dalam bahasa Melayu sebagai 'pasir'.

Sebagaimana yang diketahui umum, sejak beberapa dekad yang lalu, khususnya selepas pembentukan Malaysia, terdapat kecenderungan mahupun kesepakatan dalam kalangan pemimpin di Sabah supaya secara politiknya semua suku-suku Momogun di Sabah dihimpunkan dalam satu kategori yang dipanggil Kadazandusun. Justeru, seperti etnik Murut, sekalipun Momogun Rungus telah diberikan pengiktirafan sebagai etnik penuh pada tahun 2015, Momogun Rungus secara sistematik menjadi salah satu etnik yang tergolong dalam kelompok Kadazandusun. Ini menyebabkan Kadazandusun seringkali disebut 'Kadazandusun-Murut-Rungus (KDMR)'. Dalam pada itu, konsep Momogun yang menjadi rujukan bagi etnik ini turut dianggap sinonim dengan konsep 'penduduk asli' di kepulauan Borneo, terutamanya di bahagian utara kepulauan ini (Sabah). Konsep ini dianggap oleh pengkaji tempatan seperti Raymond Majumah (2015) dan Juebirin (2000) sebagai konsep yang berciri klasik, berstatus purba dan semulajadi di kepulauan Borneo. Mereka turut berpendapat bahawa konsep ini juga merujuk kepada nama satu bangsa yang tinggal di utara Borneo, atau negeri Sabah. Dari segi bahasa, mereka menegaskan bahawa konsep Momogun itu berasal dari kata dasar pogun yang memang terdapat dalam suku kaum Momogun Rungus yang bererti 'rumah yang sudah ditinggalkan'. Raymond Majumah (2015) secara khusus menegaskan bahawa apabila ditambah imbuhan mi makan pogun menjadi minomogun, konsep ini membawa makna 'orang atau kumpulan orang (iaitu manusia atau masyarakat) yang telah meninggalkan jejak atau bekas di sesuatu tempat tertentu sama ada bekas rumah (pogun) atau bekas ladang padi huma (umo). Sedangkan, menurut beliau, konsep Momogun pula adalah nama bangsa yang diertikan sebagai bangsa asli yang mempunyai cara hidup bertani, berpindah-rendah, memburu binatang dan hidup berorientasikan hutan. Selain itu, konsep Momogun ini juga merujuk kepada bangsa yang minomogun di kawasan berkaitan. Ada kalanya ianya diertikan sebagai sekumpulan manusia atau masyarakat yang mula-mula sekali meninggalkan jejak atau bekas di Kawasan berkaitan sama ada dalam bentuk bekas rumah (pogun), kebun atau ladang tanah pertanian (tagad/umo), peralatan purba seperti batu, parang, lesung yang dibuat dari teras kayu (lugu) yang sangat tahan lama dan sebagainya (Raymond Majumah, 2015; Juebirin, 2000).

Pengkaji luar mahupun mubaligh barat yang pernah menetap di Sabah, khususnya di daerah Kudat seperti Appell (1978) turut mengaitkan konsep Momogun dengan penutur Dusunic di Kudat apabila mereka menegaskan bahawa, "The Dusunic speaker in the Kudat District, and perhaps elsewhere as well, refer to themselves collectively in contrast to the costal Muslim as 'Momogun'. More precisely, therefore, the Rungus should be called the Rungus Momogun" (dalam King, 1978:145). Namun, apa yang pasti, bagi masyarakat Rungus atau etnik Momogun Rungus sendiri, konsep Momogun ini sebenarnya adalah nama satu rumpun bangsa, iaitu suku bangsa yang sekarang ini sudah dikenali sebagai kaum Rungus. Iaitu etnik Anak Negeri yang

mempunyai cara hidup bertani, berpindah-randah, memburu binatang dan hidup berorientasikan hutan dengan pelbagai amalan ritual serta berpegang kepada kepercayaan animisme pada masa dahulu (kod'ori).

Dalam pada itu, para pengkaji terdahulu seperti Appell (1978) dan King (1978) mendapati bahawa pada tahun 60-an, jumlah penduduk berketurunan etnik Momogun Rungus dianggarkan hanyalah sejumlah 10,000 dari jumlah penutur bahasa Dusun (29,456 orang). Secara khusus, Juebirin (2000) menjelaskan bahawa dalam Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1980, etnik Momogun Rungus telah dikategorikan atau dimasukkan sebagai sebahagian dari kumpulan etnik Kadazandusun. Ini menjadikan Kadazandusun menjadi etnik terbesar di Sabah pada bilangan sekitar 26% atau 262, 892 orang daripada 1,011,046. Etnik Momogun Rungus yang dimasukkan dalam kumpulan etnik Kadazandusun yang lebih tertumpu di Utara Sabah dilaporkan berjumlah sekitar 53.84% daripada 92,100 orang penduduk di daerah Kudat selepas Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 1991.

Disebalik tindakan memasukkan etnik Momogun Rungus ke dalam kumpulan etnik besar Kadazandusun, Raymond Majumah (2015) berpendapat bahawa etnik Momogun Rungus sebenarnya tidak sama dengan Dusun, sama ada Dusun yang berada di Kota Marudu, Kota Belud, Ranau, Tambunan, Keningau atau mana-mana kawasan di Sabah ini. Momogun Rungus jidak juga sama dengan etnik Kadazan (atau Tangara / Tangaah) yang berada ada di Penampang, Papar atau di daerah lain. Perbezaan ini turut dapat dikenalpasti melalui perbandingan dengan etnik Murut di Tenom, Nabawan atau Pensiangan, atau etnik Lotud di Tuaran dan Tamparuli. Perbezaan ini khususnya dapat dikenalpasti melalui aspek corak dan hiasan pakaian, atau melalui bahasa atau dialek pertuturan atau melalui budaya hidup dan gerak tarian. Namun demikian tidak dapat diketepikan suatu hakikat bahawa kesemua sub-etnik Kadazandusun ini menggunakan kain berwarna hitam sebagai warna utama pakaian mereka. Malahan dari segi bahasa pertuturan mereka pun masih boleh saling memahami dan menggunakan gong sebagai alat muzik penting bagai pelbagai upacara ritual, keramaian dan pengiring tarian.

Perbezaan yang sedikit dari segi corak dan hiasan pakaian atau dialek bahasa ini seringkali mendatangkan masalah kekeliruan kepada beberapa pengkaji untuk mengelompokkan Momogun Rungus secara tuntas ke dalam kumpulan besar etnik Kadazandusun. Malahan, Juebirin (2000) berpendapat bahawa para pengkaji digambarkan membuat keputusan berkaitan hal ini mengikut tafsiran masing-masing. Sebagai contoh, Mohd. Yassin Isa (1976) telah membuat keputusan untuk menggolongkan etnik Rungus ke-dalam etnik Kadazan. Manakala Arena Wati (1978) pula mengkategorikan Rungus ini dalam lingkungan Kadazan/Dusun. Dalam pada itu, Appell (1968) menggambarkan etnik Momogun Rungus sebagai 'The Rungus Dusun'. Walau bagaimanapun bahasa yang diucapkan oleh etnik Rungus tidaklah sama dengan bahasa Dusun yang lain. Ini menyebabkan Appell (1968) berpendapat bahawa bahasa Rungus itu boleh dibahagikan kepada empat dialek, iaitu dialek Nuluw, Gonsomon, Pillapazan dan Rungus, dan kesemua dialek ini berasal dari satu bahasa yang tunggal. Oleh itu, Appell (1968) mencadangkan bahawa bahasa tunggal ini barangkali boleh disebut sebagai 'Bahasa Dusun Teluk Marudu' kerana ianya dituturkan atau hanya ditemui di kedua belah tebing Teluk Marudu.

Cadangan Appell (1968) ini bagaimanapun tidak diterima oleh suku kaum Rungus kerana mereka kekal menggunakan nama Rungus sehingga pada masa kini untuk merujuk kepada kesemua dialek yang telah disebutkan tetapi lebih berminat membahaskan dialek pertuturan

mereka sebagai Momogun. Namun demikian, kewujudan dialek yang disebutkan tetap tidak mempengaruhi kesatuan dan kehidupan harmoni etnik Rungus (Raymon Majumah, 2015; Juebirin, 2000). Justeru, sebagai etnik Anak Negeri asli yang hanya berminat memanggil diri mereka sebagai Momogun, etnik Momogun Rungus, sebagaimana etnik lain yang ada di negara ini juga mempunyai budaya yang unik. Budaya yang unik ini turut melibatkan perayaan yang disambut samada secara berkala mahupun hanya apabila suatu kejayaan dicapai. Perayaan budaya yang unik ini pula berkemungkinan mempunyai hubungkait yang signifikan dengan politik dan pentadbiran etnik Momogun Rungus itu sendiri. Perkara ini sewajarnya diperincikan melalui kertas kerja ini.

Pernyataan Masalah

Memandangkan perdebatan dalam kalangan sarjana berkaitan hubungkait diantara budaya dan politik serta pentadbiran semakin bertambah maka usaha mencari titik tumpuan terhadap aktiviti kebudayaan serta hubungkaitnya dengan perkara yang dibangkitkan dalam arus pemodenan ini turut menjadi semakin penting (Bouchard, 2013). Dalam pada itu adalah diakui bahawa pesta kebudayaan adalah antara aspek tumpuan kepada aktiviti politik dan pentadbiran. Pesta kebudayaan dalam kalangan etnik Rungus iaitu pesta Magahau sejak dahulu sehinggalah kini telah mejadi tapak aktiviti politik dan pentadbiran dalam kalangan etnik Rungus itu sendiri dan sudah semestinya akan terus memainkan peranan seumpama ini. Antara sebab utama yang menjadikan pesta Magahau boleh memainkan peranan ssebagai tapak aktiviti politik dan pentadbiran adalah kerana pesta ini mengandungi elemen utama dalam politik dan pentadbiran. Malahan, pesta Magahau seringkali dikaitkan dengan identiti etnik Rungus, sejarah politik dan pentadbiran, keunikan cara hidup serta usaha berterusan memulihara warisan budaya ini (Ationg, Totu, Pudun & Majumah, 2018; Ationg, Totu, Jane, Tibok & Gansau, 2020). Disebalik hakikat ini masih perlu ditegaskan bahawa hubungkait diantara pesta Mahagau dengan politik dan pentadbiran masih kurang diberikan perhatian oleh pelbagai pihak, termasuklah golongan akademik. Ini menyebabkan perincian tentang hubungkait tersebut masih kurang difahami. Malahan fenomenan pelesuan budaya dalam kalangan generasi muda semakin diperkuatkan ekoran keadaan tersebut (Johnes, Rosmiza & Mapjabil, 2019). Menyedari hakikat ini maka adalah perlu dilakukan kajian yang bertujuan mengupas apakah sebenarnya unsur politik dan pentadbiran dalam pesta Magahau yang menjadi pesta budaya warisan dalam kalangan etnik Rungus di Sabah, Malaysia.

Metodologi

Sebagaimana yang dinyatakan, persoalan berhubung hubungkait diantara perayaan budaya dengan politik dan pentadbiran menjadi intipati kertas kerja ini. Bagi tujuan menjelaskan sejauhmanakah wujud hubungkait sedemikian maka kertas kerja ini memilih perayaan Magahau sebagai tumpuan penelitian hal tersebut dengan berpaksikan aspirasi memahami apakah sebenarnya unsur politik dan pentadbiran dalam pesta Magahau etnik Rungus di Sabah, Malaysia. Bagi maksud tersebut, kertas kerja ini disediakan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui penelitian bahan sekunder dan pemerhatian di lapangan oleh penyelidik atau penulis diantara Mei hingga Oktober 2022. Pendekatan kualitatif merujuk kepada kaedah penyelidikan yang menekankan kepada usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik (Bryman, 2015; Hennink, Hutter & Bailey, 2010; Creswell, 2002). Kebanyakan kajian kualitatif memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa saja tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak.

Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil (Azizah Hamzah, 2010). Dalam pada itu, pendekatan kualitatif seringkali dianggap mempunyai kelebihan berbanding kaedah kuantitatif apabila ianya dapat membantu pengkaji untuk menjalankan analisis yang lebih mendalam berikutan data kualitatif yang dikumpulkan adalah berkaitan secara langsung dengan subjek (Neuman, 2006; Muhadjir, 2002; Patton, 1990; Moleong, 1989; Nazir, 1985). Ini bermakna, melalui penggunaan pendekatan tersebut, kertas kerja ini mengetengahkan perbincangan tentang konsep Magahau serta unsur politik dan pentadbiran dalam pesta Magahau itu sendiri.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Bagi tujuan menjelaskan dapatan kajian ini maka perbincangan seterusnya tertumpu kepada pesta Magahau itu sendiri dan unsur politik serta pentadbiran yang ditonjolkan melalui penganjuran pesta etnik Rungus ini.

Konsep Pesta Magahau

Magahau adalah perayaan warisan yang diadakan secara besar-besaran dalam kalangan etnik Rungus di Sabah. Konsep Magahau sebagai perayaan besar-besaran etnik Runus ini telah dibentangkan, dibahas dan ditetapkan oleh para pengamal Undang-Undang Adat etnik Rungus melalui Konvensyen Undang-undang Adat Matunggong 2009, anjuran Mahkamah Anak Negeri Daerah Kecil Matunggong. Konvensyen tersebut dihadiri oleh pengamal Undang-undang Adat Rungus dari seluruh Daerah Kudat, Daerah Kecil Matunggong, Daerah Kota Marudu dan Daerah Pitas iaitu daerah-daerah yang mempunyai penduduk Rungus yang ramai. Malahan, konvensyen tersebut turut menetapkan bahawa Magahau ialah perayaan etnik Rungus yang terbesar dan wajar dirayakan setiap tahun atau selang beberapa tahun. Mereka menegaskan bahawa dari segi sejarah adalah menjadi kelaziman pesta Magahau dirayakan oleh beberapa kampung atau sekurang-kurangnya satu kampung atau beberapa keluarga. Ini menunjukkan pesta Magahau adalah perayaan yang dianggap besar oleh etnik Rungus yang turut dianggap unik atau berbeza dengan perayaan etnik lain kerana motif peranyaannya yang bersifat umum dan tidak terikat dengan kegembiraan selepas menuai seperti mana konsep pesta menuai (Kaamatan). Secara umum, para pengkaji Momogun Rungus menjelaskan bahawa pesta Menuai (Kaamatan) yang dirayakan pada 30 dan 31 Mei setiap tahun mempunyai persamaan yang secara signifikan dicirikan oleh konsep Mongulok (aktiviti memijak padi bagi meleraikan atau mengasingkan butir padi dari Jerami) di dalam masyarakat Momogun Rungus. Namun demikian, pesta Magahau tidak semestinya dikaitkan dengan Mongulok kerana pesta Magahau tidak semestinya diraikan hanya apabila hasil padi dituai.

Perlu dijelaskan bahawa etnik Momogun Rungus lazimnya akan Magahau atau menyambut pesta Magahau dalam keadaan-keadaan seperti; (a) apabila mereka mempunyai makanan yang mencukupi atau berlebihan pada tahun tersebut dan berhasrat untuk membuat perayaan secara besar-besaran, (b) mereka mengadakan aktiviti ritual yang akan mengorbankan banyak haiwan ternakan. Hal ini lazimnya melibatkan aktiviti ritual seperti Mamapak Mamasi Pomogunan, yang memerlukan mereka mengorbankan banyak haiwan ternakan. Keadaan ini membolehkan etnik Rungus menjelaskan Magahau yang seumpamanya diistiharkan dengan memanggil saudara-mara dari kampung lain untuk datang bertandang supaya mereka turut menjamu selera korban haiwan ternakan berkaitan, dan (c) apabila kehidupan yang makmur dan ingin berkongsi kegembiraan bersama saudara mara, kampung-kampung berdekatan dan orang ramai. Menyedari hakikat ini maka bolehlah dikatakan bahawa pada masa dahulu Magahau boleh diadakan pada bila-bila sahaja apabila etnik Momogun Rungus merasakan sesuai dan tidak terikat kepada mana-mana tarikh atau musim seperti selepas menuai atau tahun baru.

Berdasarkan penjelasan diatas, Magahau bolehlah ditakrifkan sebagai perayaan besar-besaran etnik Momogun Rungus yang bertujuan untuk menzahirkan kegembiraan kerana mendapat rezeki yang berlebihan pada sesuatu ketika dan berkongsi kegembiraan tersebut bersama saudara mara, kampung-kampung yang berdekatan serta orang ramai. Rezeki di dalam konteks etnik Momogun Rungus pada zaman dahulu adalah makanan yang berlebihan, hasil tanaman yang banyak dan kehidupan yang makmur. Sehubungan itu, pesta Magahau adalah suatu perayaan yang bersifat bukan ritual. Pesta ini juga adalah suatu entiti yang berbeza dan berasingan dengan upacara bersifat ritual seperti Mamapak, Lumuvas, Mongulok, Papak Tavasi, Papak Taraat dan seumpamanya (Raymond Majumah, 2015). Namun Raymond Majumah (2015) menjelaskan bahawa pesta Magahau sering dikaitkan dengan upacara-upacara ritual tersebut. Ini disebabkan etnik Momogun Rungus pada zaman dahulu mempercayai bahawa sesuatu perayaan tidak boleh dilakukan tanpa tujuan atau aktiviti yang bersifat ritual. Sehubungan dengan itu, perayaan Magahau pada masa dahulu berkair rapat dengan aktiviti bersifat ritual. Raymond Majumah (2015) juga menjelaskan bahawa ada kemungkinan hal ini demikian kerana etnik Momogun Rungus beranggapan bahawa suatu perayaan tidak sewajarnya diadakan tanpa sebarang bentuk ritual dan jika mereka ingkar maka mereka akan diganggu oleh unsur mistik atau mendapat malapetaka daripada roh-roh yang jahat pada ketika itu. Oleh itu, mereka tidak berhasrat untuk melakukan aktiviti bersifat ritual, Momogun Rungus terpaksa juga melakukannya sekiranya ingin perayaan mereka bebas daripada gangguan roh-roh jahat.

Bertepatan dengan fahaman seumpama ini maka Momogun Rungus menetapkan supaya pelaksanaan Magahau perlu dilakukan serentak dengan aktiviti yang ada kaitan dengan ritual seperti Lumuvas, Mamapak, Mongulok dan sebagainya. Malahan, menurut Konvensyen Undang-undang Adat Matunggong 2009, kelazimannya, pada zaman dahulu, setiap kali Magahau, ada sahaja keluarga yang turut sama lumuvas pada hari yang sama dengan perayaan tersebut. Ini secara langsung dapat mengurangkan kos dan lebih memeriahkan lagi Magahau pada ketika itu.

Namun demikian, pada masa kini, Magahau biasanya diadakan tanpa sebarang aktiviti bersifat ritual ekoran majoriti Momogun Rungus sudah memeluk agama Kristian atau Islam dan tidak lagi terikat dengan kepercayaan lama. Bertepatan dengan itu, dalam pelaksanaan pesta Magahau oleh Persatuan Momogun Rungus Sabah (Sabah Momogun Rungus Association, SAMORA), pada kebiasaannya Magahau dan Mamapak adalah dibezakan dan diurus secara berasingan. Secara khusus, pesta Magahau diurus oleh pihak SAMORA dan Mamapak diurus oleh Rungus yang masih memegang kepercayaan lama (labus). Terdapat juga kaedah lain yang melibatkan pelaksanaan Mamapak bagi tujuan menarik minat umum, khususnya pelancong dari luar negara. Alternatif lain pelaksanaan Mamapak yang dicadangkan oleh SAMORA ialah dengan melakonkan semula upacara ritual tersebut. Namun apa yang pasti ialah menurut Konvensyen Undang-undang Adat Matunggong 2009, apabila Magahau diisytiharkan maka perayaan-perayaan lain etnik Momogun Rungus dengan sendirinya dianggap sebagai turut serta sahaja (jika berlaku di dalam tarikh yang sama) di dalam perayaan tersebut dan jemputan (timbagos) kepada kampung-kampung berhampiran dihantar atas nama perayaan Magahau. Ini bermaksud beberapa perayaan etnik Momogun Rungus boleh digabungkan menjadi satu perayaan yang besar yang dinamakan Magahau.

Politik dan Pentadbiran dalam Pesta Magahau

Secara umum, konsep 'politik' biasanya ditakrifkan sebagai suatu proses dan cara membuat keputusan untuk sesuatu kumpulan, atau bentuk hubungan kuasa lain di kalangan individu, seperti pengagihan sumber atau status (Leftwich, 2015). Walaupun konsep ini biasanya

digunakan bagi merujuk kepada kerajaan, tingkah laku politik juga boleh didapati di bidang korporat, akademik, agama, dan institusi lain. Malahan, konsep politik turut dikaitkan dengan konteks penyelesaian suatu pertikaian melalui kompromi tanpa kekerasan tetapi sering membawa bersama konotasi negative (Leftwich, 2015; Esa, Sansalu & Tamring, 2011). Oleh itu, menurut Hague dan Harrop (2013) konsep politik boleh ditafsirkan dalam pelbagai cara, dan pendekatan yang berbeza secara asas samaada ia harus digunakan secara meluas atau terhad, secara empirik atau normatif, atau samada ianya dikaitkan dengan konflik atau Kerjasama. Tambahan pula, dalam ruang politik moden, pelbagai kaedah digunakan dalam usaha mempromosikan pandangan politik sendiri di kalangan aktor politik itu sendiri, perundingan dengan subjek politik mereka, pembuatan polisi serta undang-undang, dan penggunaan kuasa dalaman dan luaran, termasuk peperangan melawan musuh (Brady, 2017; Hawkesworth & Kogan, 2013). Oleh itu, tidak menghairankan apabila politik dilaksanakan dalam pelbagai peringkat sosial, daripada puak dan suku masyarakat tradisional, melalui kerajaan tempatan moden, syarikat dan institusi sehingga ke negara berdaulat, ke peringkat antarabangsa.

Di negara bangsa moden, penduduk biasanya membentuk parti politik untuk mewakili idea mereka. Selaras dengan itu, setiap ahli parti yang dibentuk sering bersetuju untuk mengambil pendirian yang sama dalam banyak isu dan bersetuju untuk menyokong perubahan yang sama kepada undang-undang dan pemimpin yang sama. Pilihan raya biasanya pertandingan antara parti yang berbeza. Menyedari hal ini maka sistem politik moden ditakrifkan sebagai rangka kerja yang mentakrifkan kaedah politik yang boleh diterima dalam masyarakat selaras dengan pemikiran pemikir seperti Plato dan Aristotle (Kabashima, White & Lynn 1986). Dalam pada itu, para sarjana cenderung berpendapat bahawa disebabkan wujudnya 'politik' maka bidang sains politik lahir sebagai bidang ilmu yang menumpukan kepada kajian mengenai tingkah-laku politik dan kewujudan penggunaan kuasa atau pengaruh yang berhubungkait dengan pelbagai hal seperti keupayaan seseorang atau sekelompok individu memaksa kehendak mereka atau orang lain kepada yang lain. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa unsur utama politik yang wujud pada masa kini bolehlah dijelaskan sebagai hal-hal yang meliputi proses dan cara membuat keputusan untuk sesuatu kumpulan, atau bentuk hubungan kuasa lain di kalangan individu, seperti pengagihan sumber atau status, pelestarian keharmonian sosial, pemilihan dan pelantikan ketua pelaksana serta pembentukan institusi atau jawatankuasa pelaksana secara sistematik. Menyedari hakikat ini adalah wajar ditegaskan bahawa dalam proses pelaksanaan pesta Magahau unsur politik yang boleh dikenalpasti terlibat adalah Berkaitan dengan aspek pembuatan keputusan untuk kepentingan Momogun Rungus, atau hubungan kuasa diantara badan pelaksana Magahau dan masyarakat Rungus keseluruhannya yang meliputi urusan pemertabatan status Momogun Rungus itu sendiri, pelestarian keharmonian dalam kalangan Momogun Rungus, serta proses penetapan atau pemilihan badan pelaksana pesta Magahau.

Pelaksanaan Magahau juga menjadi simbolik kepada pembentukan identiti Momogun Rungus. Bentuk dan identiti politik yang diterjemahkan melalui penganjuran pesta Magahau ini adalah meliputi aspek kesederhanaan, kesetiakawanan, keunikan dan kerjasama, keikhlasan, keberanian, ketegasan serta saling hormat-menghormati antara stau sama lain tanpa mengira perbezaan darjat, agama dan jantina. Selepas diistiharkan sebagai perayaan terbesar Momogun Rungus pada tahun 2009, Magahau diraikan secara moden sebagai simbolik identiti Momogun Rungus yang inginkan perhatian sewajarnya dari pihak pemerintah. Ini berikutan wujudnya dakwaan pelbagai pihak bahawa masyarakat Momogun Rungus kekal sebagai masyarakat yang dikaitkan dengan kemiskinan. Tanpa melakukan sebarang tindakan kekerasan, Momogun

Rungus memilih untuk memperjuangkan nasib mereka melalui simbolik pelaksanaan Magahau ini. Terdapat juga kemungkinan, penganjuran pesta Magahau bertujuan memberi penjelasan secara simbolik terhadap penentangan tindakan para pemimpin negara, khususnya pemimpin di Sabah yang memasukkan Momogun Rungus ke kalam kategori Kadazandusun untuk kepentingan politik mereka.

Bagi menjadikan pesta Magahau suatu perayaan yang signifikan dalam era moden ini maka Momogun Rungus sentiasa teruja untuk turut serta menganjurkan pesta ini. Bagi tujuan tersebut, mereka, dengan rasa kesyukuran dan semangat untuk memperjuangkan nasib mereka sendiri merangka pelbagai aktiviti bagi menarik minat pelbagai pihak seperti aktiviti Mitarab Gimpuhut (Ratu Cantik), minggu fesyen pakaian Rungus yang terdiri dari dua bentuk rekaan iaitu tradisional dan moden, Hontira (pertandingan sukan tradisi Rungus, pertandingan cipta lagu bahasa Rungus moden dan tradisional (Mongondi), kraf tangan serta persembahan artis Rungus. Ini menggambarkan pesta Magahau menonjolkan unsur politik yang sewajarnya dipelihara bagi kelangsungan etnik Momogun Rungus itu sendiri.

Dari segi pentadbiran pula, pengajuran pesta Magahau ini juga boleh dianggap sebagai salah satu tapak pentadbiran dalam kalangan etnik Anak Negeri di Sabah. Konsep pentadbiran merujuk kepada tindakan mentadbir, merancang, mengawal dan mengarahkan pelbagai sumber yang dimiliki oleh seseorang, syarikat, perniagaan atau organisasi untuk mencapai serangkaian objektif (Rosenthal, 2018; DuBrin, 2009; Powell, 2001). Pentadbiran adalah sains sosial yang mengkaji organisasi, swasta dan awam, dan pelbagai strategi perancangan, koordinasi, kawalan dan arahan yang diterapkan dalam menguruskan sumber yang bertujuan untuk mengoptimalkan operasi mereka dan menjamin pencapaian tujuan. Kaedah sesebuah organisasi ditadbir atau diuruskan akan menentukan sama ada mereka dapat menggunakan sumber mereka dengan berkesan untuk mencapai objektif yang dicadangkan. Oleh itu, peranan pentadbir mempunyai kesan yang kuat terhadap prestasi organisasi. Justeru, berdasarkan pengertian ini maka konsep pentadbiran merangkumi aspek penggunaan sumber manusia, kewangan, teknikal, material, kognitif dan sistematik yang mencukupi dan efisien yang digunakan oleh organisasi atau syarikat untuk memperoleh faedah yang lebih besar.

Sehubungan dengan itu, sebagaimana yang digambarkan dalam penjelasan berkenaan konsep dan pelaksanaan pesta Magahau maka unsur pentadbiran yang wujud dalam pesta Magahau adalah meliputi urusan pentadbiran (pelaksana atau ketua pelaksana mentadbir proses pelaksanaan pesta Magahau secara terperinci dengan melibatkan pelbagai pihak yang juga dikenali sebagai jawatankuasa pelaksana), perancangan (pelaksana juga secara khusus membuat perancangan berkaitan penganjuran pesta Magahau yang melibatkan penetapan aspek penting seperti aktiviti dan matlamat penganjuran), pengawalan (pelaksana dan para ahli jawatankuasa pelaksana melakukan aktiviti kawalan terhadap kualiti penganjuran), serta pengarahan (pelaksana, khususnya ketua pelaksana pesta Magahau bertindak mengarah pelbagai sumber yang dimiliki untuk memastikan kelancaran pesta yang meliputi aspek sumber manusia, kewangan, teknikal dan material). Hal ini secara ringkas menjelaskan bahawa pesta Magahau sememangnya merupakan suatu tapak politik dan pentadbiran yang amat penting bagi etnik Momogun Rungus.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, berdasarkan perbincangan yang diketengahkan maka adalah didapati bahawa pesta Magahau merupakan salah satu tapak aktiviti politik dan pentadbiran di Sabah, khususnya dalam kalangan suku kaum Rungus. Sebagai sebuah tapak aktiviti politik dan

pentadbiran, pesta Magahau juga memainkan peranan samada secara langsung mahupun sebaliknya dalam menentukan bentuk dan identiti politik dan pentadbiran sosial suku kaum Rungus itu sendiri. Malahan adalah perlu ditegaskan bahawa memandangkan pesta ini merupakan sebahagian daripada warisan budaya yang akan terus diadakan saban tahun maka ianya akan terus menentukan bentuk dan identiti politik dan pentadbiran sosial suku kaum Rungus. Bentuk dan identiti politik yang diterjemahkan melalui penganjuran pesta Magahau ini adalah meliputi aspek kesederhanaan, kesetiakawanan, keunikan dan kerjasama, keikhlasan, keberanian, ketegasan serta saling hormat-menghormati antara stau sama lain tanpa mengira perbezaan darjat, agama dan jantina. Justeru itu, adalah diharapkan supaya sekalipun suku kaum Rungus akan terus mengalami pemodenan dalam semua aspek kehidupan mereka, adalah sangat penting usaha bertujuan memastikan pelestarian peranan pesta Magahau ini ke-atas penentuan bentuk dan identiti politik serta pentadbiran sosial bagi suku kaum ini berterusan dilaksanakan. Dalam hal ini, konsep pelestarian diertikan oleh Widjaja (1986) sebagai aktiviti atau kegiatan yang dilakukan secara terus-menerus, terarah, dan terpadu bagi mencapai aspirasi atau matlamat tersentu yang mencerminkan adanya sesuatu yang kekal, dinamik, dan selektif. Oleh itu, antara usaha yang boleh dilakukan oleh suku kaum Rungus itu sendiri dalam mendukung pelestarian pesta Magahau yang meliputi pendekatan 'culture experience' dan 'culture knowledge'. Pendekatan 'cultural experience' merujuk kepada usaha pelestarian budaya melalui tindakan melibatkan diri secara langsung ke dalam aktiviti kebudayaan tertentu. Sementara pendekatan 'cultural knowledge' pula merujuk kepada usaha pelestarian kebudayaan melalui tindakan mewujudkan pusat informasi berkaitan kebudayaan berkaitan dan pusat informasi ini juga dijadikan sebagai pusat yang aktif memberikan maklumat kepada pihak umum serta melakukan penyelidikan dan pembangunan aspek kebudayaan suatu suku kaum. Melalui penggunaan pendekatan ini, adalah diyakini peranan pesta Magahau ke-atas penentuan bentuk dan identiti politik serta pentadbiran sosial suku kaum Rungus akan terus lestari.

Penghargaan

Manuskrip ini merupakan sebahagian daripada tesis PhD yang sedang disiapkan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

Rujukan

- Appell, G.N. (1963). Myths and legends about the Rungus of the Kudat District. *The Sabah Society Journal*, (4), 9-15.
- Appell, G.N. (1964). The Long-house Apartment of the Rungus Dusun. *Sarawak Museum Journal*, XI, 570-573.
- Appell, G.N. (1978). The Rungus Dusun. Dlm. King, V.T. (ed.), *Essays on Borneo Societies* (m/s: 143- 171). Great Britain: University of Hull.
- Appell, G.N. (1986). *Social Anthropological Rese.*
- Arena Wati. (1978). *Pribumi Sabah: Kadazan Dusun*. Kota Kinabalu: Penerbitan Yayasan Sabah.
- Ationg, R., Totu, A., Pudim, C.S. & Majumah, R. (2018). Penggunaan Bahasa Rungus dalam Kalangan Generasi Baru (Remaja) Masyarakat Rungus di Matunggong, Sabah (The use of Rungus Language among the New Generation (Youth) of Rungus in Matunggong, Sabah. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 12(1), 98-110
- Ationg, R., Totu, A., Jane, W.K.L., Tibok, R.P. & Gansau, J. (2020). Preserving Native Culture Through Traditional Costumes and Textiles: The Case of The Rungus Community in

- Sabah, Malaysia. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(8s), 3994-3998.
- Azidah Hamzah. (2000). Kaedah Penyelidikan Media: Beberapa Pendekatan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 3(1), 1-12.
- Brady, L.P. (2017). *The Politics of Negotiation: America's Dealings with Allies, Adversaries, and Friends*. North Carolina: University of North Carolina Press.
- Bryman, A. (2015). *Social research methods*. Oxford, UK: Oxford University Press.
- Creswell, J.W. (2002). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- DuBrin, A.J. (2009). *Essentials of Management (8th ed.)*. Mason, OH: Thomson Business & Economics.
- Esa, M.S. (2012). *Malaysia dan alam sekeliling*. Kuala Lumpur: Freemind Harizon.
- Esa, M.S., Sansalu, D. & Tamring, B.A.M. (2011). *Hubungan etnik: Kelangsungan pembinaan negara bangsa*. Puchong: Penerbitan Multimedia.
- Hague, R. & Harrop, M. (2013). *Comparative Government and Politics: An Introduction*. London, England: England Macmillan International Higher Education.
- Hawkesworth, M. & Kogan, M. (2013). *Encyclopedia of Government and Politics*. London: Routledge
- Hasnah Hussiin (2009). Kesan Modenisasi ke-atas Hubungan Kaum di Malaysia. *Jurnal UMP: Sains Sosial & Pengurusan Teknologi*, 1(1), 13-22.
- Hennink, M., Hutter, I. & Bailey, A. (2010). *Qualitative research methods*. LA: Sage.
- Inggul Pulok, 1991. Masyarakat Rungus. Dalam majalah Suara Muhibah, Jilid 1/91, Bilangan 1 Julai-September 1991. Kota Kinabalu. Jabatan Perpaduan Negara, Negeri Sabah.
- Jeubirin Sopital (2000). Bobolizan: Peranan dan Kepentingannya dalam Masyarakat Rungus Tradisional. Latihan Ilmiah untuk Program Sosialogi dan Antropologi, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu. (Tidak Diterbitkan).
- Johnes, J., Rosmiza, M.Z. & Mapjabil, J. (2019). Kaedah tradisional dalam penghasilan beras oleh etnik Rungus. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(3), 40-56.
- Kabashima, I., White, I. & Lynn, T., eds. (1986). *Political System and Change: A World Politics Reader*. Princeton, New Jersey, United States: Princeton University Press.
- King, V.T. (1978). *Essays on Borneo Societies*, Hull Monographs on South-East Asia No.7, Oxford: Oxford University Press for the University of Hull.
- Leftwich, A. (2015). *What is Politics?: The Activity and its Study*. Cambridge, United Kingdom: Polity Press.
- Moleong, L.J. (1989). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Mohd. Yassin Isa. (1976). *Moginum Sebagai Satu Upacara*. Dlm. Mohd. Taib Osman (ed.). *Tradisi Lisan Sabah*. Kota Kinabalu: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Sabah.
- Muhadjir, N. (2002). *Metodologi penelitian Kualitatif*. Yogyakarta: Rake Sarasin.
- Nazir, M. (1985). *Metode Penelitian*. Jakarta: Ghalia Indonesia.
- Neuman, W.L. (2006). *Social Research Methods: Qualitative and Quantiative Approaches*. Toronto: Pearson.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods (2nd ed.)*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc
- Powell, T.C. (2001). Competitive Advantage: Logical and Philosophical Considerations. *Strategic Management Journal*, 22(9), 875–888
- Raymond Majumah (2015). *Rungus: Pribumi Momogun Sabah*. Kota Kinabalu, Sabah: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosenthal, C. (2018). *Accounting for Slavery: Masters and Management*. Harvard: Harvard University Press.

Widjaja, A.W. (1986). *Individu, Keluarga dan Masyarakat*. Jakarta: Akademika Persindo.